

# Program ‘venture’ baru bertujuan dorong peserta cari inovasi, komersialkan idea

PROGRAM pembangunan berani mencuba (*venture*) yang baru bertujuan membantu peserta dalam mencari inovasi, mengkomersialkan idea menjadi perniagaan yang boleh dikembangkan, mendapatkan produk dan huraian yang diluluskan (*solution validation*) pelanggan serta mencari modal.

Program ini merupakan peningkatan kepada program *Startup SG Founder*.

Ia dibuka kepada kepada warga Singapura dan Penduduk Tetap

(PR) dengan setiap peserta menerima gaji atau *stipend* bulanan sekitar \$1,500 semasa tempoh tiga bulan.

Lima universiti berautonomi – Universiti Teknologi Nanyang (NTU), Universiti Nasional Singapura (NUS), Universiti Pengurusan Singapura (SMU), Universiti Teknologi dan Desain (SUTD) dan Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS) – akan menawarkan program ini.

Universiti-universiti itu akan

membuka sesi permohonan menjelang akhir bulan ini.

Enterprise Singapore (ESG) akan mengembangkan senarai rakan kongsi secara progresif bagi program pembinaan berani mencuba ini.

Program *Startup SG Founder* buat masa ini mempunyai hampir 50 rakan kongsi mentor yang bertauliah dalam rangkaianannya, dalam pelbagai industri teknologi termasuk agriteknologi dan pengilangan lanjutan.